

Kuasai segala bentuk ilmu: PM

BH 18 JUN 1994



Oleh Mohd Shah Abdullah

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta umat Islam mencipta semula keagungan tamadun Islam masa lalu dengan menguasai segala bentuk ilmu pengetahuan sama ada yang bersifat sekular atau keagamaan.

Menurut Perdana Menteri, langkah pertama ke arah kebangkitan semula Islam itu ialah dengan menolak kepercayaan kononnya 'dunia ini bukan untuk kita, ilmu pengetahuan selain keagamaan adalah sekular dan tidak harus dipelajari.'

Sebaliknya, kata beliau, ilmu yang didakwa sebagai sekular itu mesti dipelajari untuk memperkukuh keimanan bagi membina semula keagungan tamadun Islam.

"Sehingga kita berhenti membahagi-bahagikan ilmu pengetahuan kepada agama serta sekular dan kita menganggap semua bentuk ilmu untuk mengukuhkan keimanan yang bukan sahaja dibenarkan untuk dipelajari tetapi juga penting kepada umat Islam, kita selama-lamanya tidak akan mampu membina semula tamadun Islam.

"Lebih buruk lagi kita akan berada dalam kehidupan moden sama seperti di zaman kegelapan," katanya ketika berucap merasmikan Festival Tamadun Islam Sedunia 1994, di sini hari ini.

Festival yang akan berlangsung sehingga 31 Oktober ini akan mempamerkan lebih 1,000 bahan sejarah seperti artifak di zaman keagungan Islam serta kemajuan umat Islam di bidang perdagangan dan perindustrian.

Dr Mahathir berkata, kemampuan umat Islam untuk memimpin dunia pada masa lalu adalah kerana kemajuan mereka dalam segenap disiplin ilmu termasuk sains, perubatan, matematik, biologi dan astronomi.

Menurutnya, sarjana Islam di zaman kegemilangan tamadunnya bukan sahaja mahir dalam bidang pengkhususan tertentu tetapi juga mampu untuk menghubungkan ilmu yang dipelajari dengan kekuatan keimanan.

Bagaimanapun, katanya, keadaan hari ini jauh berbeza kerana penguasaan ilmu umat Islam sama ada di bidang agama atau ilmu pengetahuan lain terbatas dalam bidang berkenaan sahaja serta gagal menghubungkannya di antara satu sama lain.

"Kesannya, mereka menjadi pengikut agama yang fanatik dan menolak apa sahaja yang mereka tidak faham mengenai selar atau apabila mempelajari pengetahuan bukan agama, mereka tidak dapat mempertahankan ilmu itu sebagai mempunyai kaitan dengan iman," katanya.

Dr Mahathir berkata, selagi wujud pemisahan itu jumlah sarjana atau bidang ilmu berkenaan tidak akan bertambah, sebaliknya membawa umat Islam kepada kemunduran serta menghalang pencapaian keagungan tamadun Islam.

Menurutnya, pembinaan semula tamadun Islam itu juga bukan bermakna meniru kegemilangan di abad ketujuh sehingga zaman kejatuhan kerajaan Turki.

Begitu juga, katanya, apabila berusaha

LIHAT MUKA 2

Tamadun Islam harus selaras dengan zaman

DARI MUKA 1

mendapat panduan daripada Sunnah Nabi ia bukan bermakna meniru sepenuhnya kejayaan yang dicapai oleh Nabi Muhammad s.a.w sama ada di zaman Makkah atau Madinah.

Perdana Menteri berkata, pencapaian tamadun Islam yang dibina selepas kewafatan Nabi sebenarnya adalah lebih hebat daripada di zaman Nabi kerana amalan ajaran Islam serta akidah, berupaya membawa hasil yang maksimum.

Sehubungan itu, katanya, pembinaan tamadun Islam moden seharusnya dilakukan selaras dengan pencapaian manusia di zaman ini, yang menggambarkan kehidupan serta pemikiran yang sesuai dengan keperluan zaman moden dan ajaran Islam.

Bagaimanapun, katanya, masih ada beberapa syarat yang harus dipenuhi sebelum kegemilangan tamadun Islam boleh dicapai, yang terpenting sekali ialah mewujudkan sistem pertadbiran dan kerajaan yang sesuai dengan kehendak Islam serta keperluan zaman moden.

Sambil menegaskan model kerajaan Islam itu tidak semestinya menyamai kerajaan di zaman Makkah dan Madinah, beliau berkata terdapat pelbagai bentuk kerajaan yang diamalkan hari ini tetapi yang lebih penting ialah mereka menepati kehendak ajaran Islam.

Dr Mahathir berkata, keadaan yang menyedihkan hari ini ialah suasana kacau bilau (anarki) atau kerajaan yang buruk di kebanyakan negara Islam seperti perebutan kuasa menyebabkan rakyat dibunuh, dipaksa berpindah, harta benda dicuri dan kekurangan makanan yang menyebabkan berlakunya kebuluran.

"Pergaduhan dan konflik terus berlaku kerana seseorang individu atau kumpulan cuba mendapatkan kuasa.

"Adalah memalukan apabila orang yang beriman terpaksa merayu kepada pihak kafir untuk membantu ke arah perdamaian atau mengatasi kebuluran," katanya.

Beliau juga menegaskan tamadun yang hendak dibina tidak bertujuan untuk bermusuhan dengan masyarakat dalam tamadun lain, sebaliknya menyumbang kepada kemajuan manusia.

"Ia seharusnya selari serta seimbang antara kerohanian serta kebenaran; antara kemajuan dan nilai moral; antara agama dan tuntutan duniawi. Ia harus menyediakan alternatif kepada dunia yang nyata kehilangan arah.

"Ia haruslah menjadi alternatif yang berdaya maju dan boleh diterima, berasaskan kepada dalil akli serta tidak sebagai ikutan secara buta tuli terhadap tafsiran ajaran Islam," katanya.